**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan

oleh

**NURUL AISAH BINTI TAIB**

Bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN FELISA KOSMETIK SPA DI LOT 1F23-26,TINGKAT SATU, KOMPLEKS MEMBELI – BELAH SHAH ALAM(SACC)MALL,JALAN PERBADANAN 19/4, SEKSYEN 14,4000 SHAH ALAM**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : ________ (4/11/09) ________ Pn. Nurrajwani bt. Abdul Halim

Koordinator Kursus : ____________________ Pn. Azizah Md. Ajis

Koordinator Program : ____________________ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat diploma adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek proses rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek rekabentuk yang dicadangkan untuk projek akhir ialah Felisa Cosmetic spa di Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor. Tujuan projek ini adalah untuk memperkenalkan produk barangan daripada herba dan tumbuh- tumbuhan semulajadi dengan lebih terperinci lagi kepada orang ramai khususnya golongan wanita dan remaja. Dengan adanya cawangan Felisa Cosmetic spa ini, orang ramai dapat mengetahui tentang penggunaan produk herba dan tumbuh- tumbuhan ini serta kesanya dalam kecantikan harian. Dalam menjalankan projek ini, kepentingan yang dapat dilihat ialah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan produk berasaskan herba dan tumbuh-tumbuhan di samping menjaga kecantikan dari dalam dan luar. Proses pengkajian yang telah dijalankan terhadap projek ini adalah berdasarkan daripada pemerhatian terhadap spa dan pusat kecantikan tempatan dan luar negara. Kesimpulannya, rekabentuk baru yang akan dijalankan ini haruslah menepati aspek-aspek dan kehendak pelanggan serta yang bersesuaian dengan konsep yang ingin diketengahakan. Diharapkan ,bahawa agar rekabentuk ini akan dapat member pelbagai manfaat kepada semua individu, sama ada pelancong asing mahupun masyarakat di negara ini.

**KANDUNGAN** **MUKA SURAT**


| | |
|---|---|
| **Abstrak** | **i** |
| **Penghargaan** | **ii** |
| **Isi Kandungan** | **iii** |
| **Senarai Rajah** | **xii** |
| **Senarai Jadual** | **xv** |
| **Senarai Lampiran** | **xvi** |
| **Senarai Singkat Kata** | **xvi** |

**BAB 1.0 PENDAHULUAN**

| | |
|---|---|
| **1.1 PENGENALAN** | **1** |
| 1.1.1 Definisi Spa | |
| 1.1.2 Sejarah Spa | |
| 1.1.3 Konsep Spa | |
| **1.2 METODOLOGI KAJIAN** | **12** |
| **1.3 MATLAMAT KAJIAN** | **17** |

| | | |
|---|---|---|
| **1.4** | **OBJEKTIF KAJIAN** | **18** |
| **1.5** | **SKOP KAJIAN** | **19** |
| | 1.5.1 Kajian Melalui Kaji Selidik | |
| | 1.5.2 Kajian Melalui Internet | |
| | 1.5.3 Kajian Melalui Temubual | |
| | 1.5.4 Kajian Melalui Bahan Bacaan | |
| **1.6** | **HALANGAN KAJIAN** | **24** |
| | 1.6.1 Kajian Kes | |
| | 1.6.2 Internet | |
| | 1.6.3 Pemerhatian | |
| **1.7** | **KEPENTINGAN KAJIAN** | **26** |

# BAB 1.0

# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Laporan projek akhir ini adalah diwajibkan dan amat penting kepada setiap mahasiswa dan mahasiswi dalam sesebuah universiti. Selain itu, ia juga adalah sebagai syarat untuk mendapatkan penganugerahan Diploma Senibina Dalaman di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kursus ini adalah bertujuan memberikan latihan agar pelajar faham tentang rekabentuk, di mana pada tahap ini pelajar diberi tugasan untuk menyediakan skima rekabentuk berasaskan kajian dan pemerhatian berkaitan masalah dan isu yang wujud di dalam sesuatu proses rekabentuk.